

ISYARAT AL-QURAN TERHADAP SENI KHAT UKIR KAYU: ANALISIS KANDUNGAN AYAT DALAM KARYA SENI KHAT UKIRAN KAYU DI NEGERI TERENGGANU

THE SIGN OF AL-QURAN TOWARDS THE ART OF KHAT'S

Makmur

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Perak Darul Ridzuan

Email:-

Buchari Katutu

Sejarah dan Kebudayaan Islam Fakultas Adab, Institut Agama Islam Negri (IAIN), Sulthan Thaha Syaifuddin (STS) Mendalo Darat, Muaro Jambi,

Provinsi Jambi, Indonesia.

Email:-

Mohd Fauzi Bin Ariffin

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Perak Darul Ridzuan

ABSTRAK

Kepelbagaiannya kandungan ayat dalam al-Quran telah banyak mengisi karya-karya seni khat ukiran kayu di Negeri Terengganu (Malaysia). Karya tersebut merupakan hasil seni pertukangan kayu yang cantik, dihasilkan melalui proses pemahatan kayu menggunakan peralatan ukir dan disokong dengan bakat serta kemahiran pengukirnya. Kandungan ayat yang menjadi hiasan utama karya seni khat ukiran kayu ini terus meluas ke seluruh wilayah Nusantara dan tidak hanya sekadar sebagai hiasan indah semata-mata, bahkan sudah menjadi karya ukiran Islami yang dapat menjadi media hiasan mimbar, pintu, istana, masjid, rumah dan sebagainya berbentuk karya artistik dan estetik seni budaya setempat. Kandungan ayat al-Quran dalam karya ukiran kayu memiliki corak, simbol dan falsafah tersendiri dengan mencerminkan kehidupan dan kebudayaan individu atau masyarakatnya. Selain itu seni khat ukir di Terengganu telah dijadikan sebagai gambaran artistik seni yang unik diekspresikan melalui budaya, adat dan alam sekitar yang mendasari kewujudan falsafah seni ukiran kayu. Ringkasnya, bahawa kajian ini memaparkan analisis kandungan isi dan ayat al-Quran sebagai isyarat seni dalam karya-karya ukiran kayu seni khat di negeri Terengganu, selain mampu menjadi salah satu wacana ilmu yang boleh mengungkap kekayaan khazanah dan warisan seni khat Islami di tengah-tengah masyarakat Islam keseluruhannya.

Kata kunci: Seni khat, ukiran kayu, karya-karya ukiran, kandungan ayat al-Quran, dan negeri Terengganu.

ABSTRACT

The diversity of the verses in the Qur'an has been filling in many of the works of wood carvings in the State of Terengganu (Malaysia). The work is a beautiful piece of wood carving, produced through wood carving process using engraving tools and supported by talent and carving skills. The contents of the verse which became the main decoration of this wood carvings continues to spread throughout the archipelago and not only as a beautiful decoration, but it has been a work of Islamic engraving that can be a decorative media of mosque, doors, palaces, mosques, houses and etched in the form of artistic works and the aesthetic of local art and culture. The contents of the Quran verse in the wood carving work have its own patterns, symbols and philosophies by reflecting the life and culture of the individual or its society. In addition, carved art in Terengganu has been used as a unique artistic expression expressed through culture, customs and the environment that underlie the existence of the philosophy of wood carving. In summary, this study presents an analysis of the content and the Quran verse as a sign of art in works of carvings of fine arts in the state of Terengganu, as well as being one of the discourses of knowledge that can reveal the wealth of treasures and Islamic artistic heritage in the center the entire Muslim community.

Keywords: *Khat art, carved woods, carving works, Quran verse, State of Terengganu*

LATAR BELAKANG

Karya-karya seni khat ukiran kayu yang dihasilkan di negeri Terengganu banyak menjadi warisan khazanah seni kraf Melayu di Malaysia. Perkembangan ini tersebar ke seluruh pelosok Nusantara yang menjadikan seni khat semakin mudah dijumpai dalam pelbagai tulisan sebagai adaptasi bentuk-bentuk seni lainnya termasuk seni ukiran kayu yang wujud tanpa menghilangkan ciri dan nilai kerohanian Islam. Penyatuan budaya Arab ini dengan budaya setempat boleh menjadikan tulisan khat mengalami corak asimilasi sama ada dalam bentuk, warna mahupun tulisannya walaupun bentuk asasnya masih mengekalkan petunjuk ayat-ayat daripada al-Quran al-Karim.

Isyarat ayat-ayat al-Quran mengenai seni menyentuh bidang khat dengan pelbagai corak seni dan budayanya, termasuk seni ukiran kayu, menjadikannya sebagai lambang kesenian unggul dalam budaya dan tamadun Islam sehingga dapat setanding dengan kesenian-kesenian lainnya di dunia. Dalam hal yang sama, perkembangan ini dapat menjadikan seni khat sebagai simbol utama yang mampu menjadi asas penting untuk membentuk pelbagai corak dan bentuk seni khat ukir kayu di Alam Melayu.

Oleh itu, melalui tulisan ini diharap semoga seni khat ukiran kayu di Terengganu dapat dijadikan sebagai gambaran artistik seni yang diekspresikan melalui pelbagai bentuk, corak, dan motifnya terutama kandungan ayat al-Quran yang berkembang luas ke seluruh wilayah Islam. Karya-karya ukiran kayu yang dihasilkan di negeri ini dianggap sebagai wasilah pemantapan keimanan, kepercayaan, dan ketakwaan kepada Allah SWT melalui penulisan dan pengukiran kandungan ayat-ayat al-Quran yang dapat menyentuh segala aspek kehidupan.

Makna dan Erti Seni Khat Ukiran Kayu

Pengertian seni dapat dilihat dalam dua pengertian makna, dari segi bahasa, iaitu halus (kecil, elok), nipis, dan halus. Dalam bentuk karya (sajak, lukisan, muzik), seni boleh serupa yang diciptakan melalui bakat kepandaian dari sesuatu ciptaan oleh orang yang memiliki kemahiran untuk mencipta sesuatu yang luar biasa. Dalam bahasa Inggerisnya *art*, bermakna halus, nipis dan damai. Kesenian merupakan aktiviti seni yang berkaitan dengan seni, keindahan, dan kehalusan. Semua ini tidak ada yang lain melainkan membawa maksud nilai halus, indah, suci, berguna, dan bermanfaat bagi manusia (*Kamus Dewan Edisi Baru*, 1989:318). Sementara pengertian istilah iaitu segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, sama ada ia merupakan hasil ciptaan Allah SWT mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imajinasi dan perbuatan susuk manusia.

Secara umumnya kesenian ditafsirkan sebagai sesuatu hasil ciptaan manusia yang memiliki nilai estetik bagi penciptanya, pernyataan dan hiasannya yang paling menonjol dan dominan dalam hal tertentu mengambil kira aspek penggunaannya (*Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1988:379-380).

Pengertian seni kaligrafi Islam atau seni khat juga dapat dilihat dalam dua pengertian, iaitu pengertian secara etimologi dan terminologi. Dari segi pengertian etimologi, kata kaligrafi merupakan penyederhanaan daripada kata *calligraphy*. Erti kaligrafi ialah "... seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan indah sebagai suatu seni; khat". Sedangkan seni khat ialah "... seni (kemahiran) menulis tulisan Arab atau tulisan Jawi dengan gaya yang khas atau unik sehingga menghasilkan tulisan indah" (*Kamus Dewan Edisi Baru*, 1989:319 dan 1245). Pengertian lain seni kaligrafi ialah "...seni menulis indah dengan pena" (*Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1988:380). Seni khat ukiran kayu pula, merupakan salah satu bidang seni Islam yang dikenal dengan ukiran kayu. Ia dapat menjadi simbol kerajinan tangan, kemahiran dan ketinggian ilmu yang diterjemahkan ke dalam pelbagai bentuk barang yang berunsur seni. Simbol dan identiti ditonjolkan pada ukiran kayu yang mencerminkan jati diri masyarakatnya. Ekspresi yang dipaparkan melalui ukiran kayu juga dapat mewakili watak dan budaya masyarakat Melayu... (Norhaiza Nordin, 2009:9).

Sementara pengertian terminologi seni khat banyak definisi diberikan untuk menerangkannya. Antaranya ialah yang didefinisikan oleh 'Ubaiydu'Llah Ibna-'Abbās yang menyebutnya sebagai *lisān al-yadd* atau lidahnya tangan; kerana

dengan tulisan itulah tangan bercakap. Dalam pelbagai istilah, seni kaligrafi atau khat dilukiskan sebagai kecantikan rasa, duta akal, penasihat fikiran, senjata pengetahuan, penjinak saudara dalam pertikaian, penghubung yang jauh, penyimpan rahasia dan khazanah rupa pelbagai masalah kehidupan. Ringkasnya, “khat itu ibarat ruh di dalam tubuh” (Didin Sirojuddin AR, 1992:5).

Melalui huraian ini, dapat ditunjukkan betapa keindahan seni khat tersebut dapat terserlah dalam pelbagai bidang, seperti pernah diungkapkan Sayyed Hossein Nasr (1987:27-28), bahawa: “...Keindahan tulisan merupakan kelembutan jari dan kehalusan fikiran (cita rasa) penulisnya.” Dengan demikian peroses perkembangan seni ini sangat didukung oleh kemahiran, bakat, kelembutan, dan kehalusan cita rasa tulisannya sehingga dapat berpengaruh kepada *jasadiah* dan *ruhiah* bagi penggiatnya.

Penyalur Perkembangan Seni Khat Ukiran Kayu

Islam merupakan penyokong pertama, kerana ia merupakan agama yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia termasuk bidang seni. Hal tersebut disebabkan jiwa manusia diciptakan oleh Allah SWT bukanlah hanya untuk beribadat semata-mata, bahkan juga kepada perkara-perkara lain supaya membolehkan mereka meringankan beban dan fikirannya. Misalnya bidang seni dan seni khat ukiran, ia merupakan salah satu aspek kesenian yang dibolehkan dalam Islam selagi ia tidak berlebih-lebihan atau melanggar batas-batas syariat Islam yang telah ditentukan dalam ajaran Islam sesuai perintah Allah SWT dan mengikut sunnah Rasulullah SAW.

Apa yang perlu diberi perhatian ialah ‘hasil seni’ itu, ia mulai lahir ketika permulaan Allah SWT mengajarkan Nabi Adam AS tentang nama-nama benda yang ada di alam ini, selanjutnya berterusan kepada Nabi Daud AS dengan dikurniai suara yang sangat merdu. Kemudian berlanjut terus menerus sehingga kepada zaman Nabi Muhammad SAW ketika diturunkannya wahyu pertama dan diterima oleh Nabi SAW sebagai mukjizat teragung. Susunan kata-katanya indah berupa ayat-ayat suci-al-Quran yang diwahyukan, melalui keindahan sasteranya tersebut dapat mempengaruhi kaedah bunyi tentang apa yang dikenali sebagai ‘puisi’ seperti ‘sajak’, ‘pantun’, dan sebagainya.

Demikian pula perkembangan seterusnya, pengaruh al-Quran dan al-Sunnah kepada umat Islam melalui tulisannya yang khas dikenali dengan seni khat telah pun ditulis dan diukir oleh para penulis ataupun pengukirnya di atas pelbagai benda. Sehingga hal tersebut dapat mempengaruhi kesenian dan kebudayaan tempat ia tersebar. Kebudayaan Islam tersebut terus meluas sehingga mempengaruhi juga perkembangan seni pertukangan dan kraftangan di Alam Melayu, menyebabkan kesan seni ini menjadi ukiran kayu yang memasuki struktur sosial kehidupan masyarakat Islam di Nusantara.

Selain penerimaan seni khat sebagai ukiran kayu, ia terus berkembang secara merata dalam kalangan masyarakat Islam disebabkan adanya pengaruh motivasi al-

Quran untuk dipelajari dan berfungsi sebagai bahan pendidik sekali gus menjadi hiasan indah. Ia juga menjadikan kayu, cat, pena, tinta, kertas dan sebagainya sebagai bahan-bahan alam semula jadi yang dapat menyokong untuk penyaluran warisan seni khat tersebut. Di samping ayat-ayat al-Quran, sabda-sabda Nabi SAW, kitab-kitab Arab dan Melayu, kata-kata hikmah yang berulang-ulang disampaikan melalui karya-karya ukiran menjadikan posisinya istimewa terhadap pencintanya.

Hal lain yang barangkali juga menjadi penyokong kuat dalam pengembangan seni ukiran khat dalam kehidupan umat Islam di Alam Melayu ialah adanya kecenderungan menghiasi bangunan-bangunan istana, masjid, sekolah, rumah, mimbar, mihrab, rehal, pejabat, makam, batu nisan, hiasan dalaman rumah dan sebagainya dengan menggunakan seni khat ukiran kayu. Contohnya di Pantai Timur terutamanya di Terengganu, Kelantan, dan Pattani, banyak dijadikan sebagai hiasan dinding, bumbung rumah atau pintu, sehingga dapat menjadikan ukiran-ukiran khat menyerlahkan lagi keaslian seni tersebut sepanjang masa.

Sokongan Tokok tentang Seni Khat Ukiran Kayu

Sokongan para tokoh merupakan pembayang kuat bagi berkembangnya kesenian dan kebudayaan Islam terutamanya seni khat ukiran kayu di Negeri Terengganu. Oleh itu, berkembangnya seni khat ukiran kayu juga tidak terlepas daripada adanya sokongan padu daripada tokoh yang menyokongnya sehingga kekal dan diminati oleh masyarakat di Alam Melayu. Berikut pandangan tokoh-tokoh tersebut mengenai seni, khat, dan ukiran kayu:

- M. Quraish Shihab (1996:385)**

Menyatakan bahawa “Seni adalah keindahan. Ia merupakan ekspresi ruh dan budaya manusia yang mengandung dan mengungkapkan keindahan. Ia lahir dari sisi terdalam manusia didorong oleh kecendrungan seniman kepada yang indah, apa pun jenis keindahan yang dianugerahkan Allah kepada hamba-hamba-Nya.”

- Ismail R. Farūqi (1986:24)**

Berpendapat bahawa “Tidak seperti kebudayaan-kebudayaan lain yang mengaitkan keindahan sebagai kemewahan, nilai intrinsik yang difahami untuk kepentingan sendiri, kesenian Islam menghubungkan keindahan sebagai nilai yang tergantung keseluruhan kesahihan Islam itu sendiri.”

• **Abdul Halim Nasir (1986:36)**

Mengibaratkan kesenian ukir sebagai “Kegemilangan kraf tangan ini terbukti apabila keseniannya diangkat sebagai simbol status sebuah pemerintahan. Contohnya dapat dilihat apabila seorang raja yang tidak mempunyai istana yang indah dengan penerapan seni ukirnya, maka ia dianggap sebagai raja yang belum sempurna dan kurang martabatnya. Statusnya juga dianggap lebih rendah dari raja yang mempunyai istana yang berukir.”

Hakikat Falsafah Seni Khat Ukiran Kayu

Seni khat adalah reka bentuk berupa geometrik. Memiliki ukuran-ukuran tertentu menurut kadar tegak, tebal, nipis, panjang, pendek, miring, bulat, lonjong, serta bentuk-bentuk anatomi hurufnya yang seimbang. Kesemua itu merupakan ciri dan sifat tersendiri yang dimiliki oleh seni khat di pelbagai tempat. Falsafah seni khat ini juga dapat dilihat dalam makna secara umum dan secara Islami. Pertama, makna umum dapat dilihat sebagai asal perkataan Yunani, iaitu *Philos* “kecintaan terhadap sesuatu”, sedangkan perkataan *Shopia* “kebijaksanaan” atau “pengetahuan”. Sementara makna *philosophia* memberi erti “mencintai kebijaksanaan.”

Kedua, makna falsafah seni secara Islami dapat diterjemahkan menjadi suatu ekspresi tentang kecintaan dan keindahan. Keindahan pula lahir dari kejujuran seni, sedangkan sesuatu yang berseni itu hanya dapat dilahirkan melalui kesabaran dan ketekunan di samping ketelitian. Seterusnya tumbuh rasa ingin mengagungkan pencipta, kerana seni dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan tidak memandang apakah seni tersebut berbentuk visual ataupun audio. Kemudian akan melahirkan hubungan baik antara manusia dengan Allah SWT dan dapat menghubungkan keakraban antara sesama manusia.

Kebudayaan dalam Islam pula sangat menitikberatkan hubungan baik antara manusia dengan pencipta-Nya, selain menjaga hubungan antara manusia dengan manusia dan alam persekitarannya. Selain itu, dapat mewujudkan jalinan akidah, ibadat dan akhlak. Maka cara ini adalah untuk menghidupkan budaya akidah, iaitu dengan menanamkan dalam hati sanubari tentang kepercayaan kepada Allah SWT dengan baik dan bijaksana dalam menjalankan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Manakala ibadat dalam Islam ialah dapat tunduk dan taat serta patuh kepada perintah dan kasih sayang mesti dilaksanakan dengan penuh keikhlasan. Sementara makna seni khat ukir menjadi hal yang sangat mendominasi dalam mengubah bentuk dan konsep kesenian Islam termasuk seni ukiran kayu. Hasil karya dan kreativiti ukiran kayu ini selalu dikaitkan dengan ajaran dan kepercayaan agama Islam, bahkan mendapat tempat yang sangat istimewa dalam penerapannya. Menurut Abdul Halim Nasir (1986:34), kesan daripada agama Islam ini juga telah mengubah bentuk dan konsep hasil kraftangan di Malaysia. Secara konseptual, nilai ke-Islaman diterapkan dalam hasil kraftangan. Motif fauna digantikan dengan motif tumbuh-tumbuhan atau stilisasi serta ukiran kaligrafi Islam.

Khazanah Warisan Seni Khat Ukiran Kayu

Proses perkembangan jenis-jenis seni khat dari semasa ke semasa tidak dapat dinafikan adanya peranan penting yang telah disumbangkan oleh Ibnu Muqlah melalui kaedah-kaedah yang rumit, lalu diperindah oleh Ibnu al-Bawwāb dan bahkan menjadi idea pengembangan melalui tangan Yaqut al-Musta'shimi sehingga menjadikan bentuk tulisan khat tersebut mengagumkan. Perkembangan tulisan-tulisan khat utama dikenali dengan tulisan *Sittah* (enam), iaitu *Thuluth*, *Nasakh*, *Muhaqqaq*, *Rayhāni*, *Riq'ah* dan *Tawqi'*. Bentuk seni khat ini lebih dikenal dengan nama *al-Aqlām al-Sittah* (enam tulisan yang asal) (Safadi, Y.H., 1978:19).

Jenis-jenis khat inilah kemudian berasimilasi menjadi asas dan corak penting yang banyak digunakan oleh para pengukir khat dalam menghasilkan ukiran kayu. Proses mengukir dengan ‘meluakkan’ kayu terpilih menggunakan peralatan ukir, ditambah lagi sokongan kemahiran menulis khat para pengukirnya menjadikan bentuk dan motif ukiran khat kayu ini lebih menarik lagi unik. Bentuk tersebut menambahkan kewibawaan ukiran kayu menjadi corak ukiran khat dua dimensi atau ukiran khat tiga dimensi.

Norhaiza Nordin (2009:33), menyatakan bahawa “Ukir dua dimensi ialah ukiran yang dihasilkan dalam bentuk yang hanya dapat dihayati dari satu sudut permukaannya sahaja. Ukiran dua dimensi biasanya ditemukan dalam bentuk hiasan dinding, daun pintu, kekisi, tebar layar, dan sebagainya. Ukiran tiga dimensi adalah ukiran dibuat dalam bentuk yang dapat dihayati dari pelbagai sudut. Ukiran tiga dimensi biasanya ditemui dalam bentuk arca, peralatan pertanian, peralatan rumah tangga, congkak, tiang larik, dan sebagainya.” Beliau menambah lagi, bahawa kemahiran membuat ‘silet’ dalam proses ukiran merupakan elemen asas untuk menjadikan sesuatu hasil ukiran lebih menarik. Silet merupakan ekspresi “liuk lentok” motif ukiran yang dibuat. Biasanya jenis ukiran kayu di Malaysia ditentukan daripada teknik pembuatannya. Antara jenis ukiran kayu yang sering dibuat oleh pengukirpengukir Melayu adalah ukiran timbul tanpa silet, ukiran timbul bersilet, ukiran tebuk tembus dan ukiran tebuk tembus bersilet.

Sementara hasil ukiran khat yang biasanya dihasilkan oleh pengukir khat tetap mengekalkan elemen asas ukiran dengan menambahkan jenis-jenis khat tertentu yang sengaja dipilih untuk mengindahkan ukiran kayu dihasilkan. Hal ini juga menunjukkan bahawa ukiran khat tetap berbentuk ukiran timbul bermotif khat, ukiran timbul berhias khat atau ukiran tebuk tembus atau ukir kerup dengan kerangka hiasan khatnya dipelbagaikan.

Jenis dan Rupa Seni Khat Ukiran Kayu

Jenis dan rupa warisan seni khat ukiran kayu di Negeri Terengganu yang menjadi sorotan dalam perbincangan ini ada bermacam-macam jenisnya. Antara huraiyan yang dapat memperjelas bahagian ini,bahkan sejak awal sehingga kini bermacam-macam jenis seni khat lahir dan diperkenalkan. Demikian juga jenis seni khat yang

dipelbagaikan dalam menghasilkan ukiran khat di atas kayu ukiran. Bentuk dan corak ukiran khat yang dihasilkan para pengukir khatnya biasanya memiliki bentuk dan corak tersendiri, walaupun ukiran yang dihasilkan tetap terjaga kewujudan motif ukiran timbul, tebuk, atau tebuk tembus, dan sebagainya.

Biasanya jenis dan rupa ukiran khat yang selalu dipilih untuk dijadikan hiasan ukiran kayu tersebut ialah khat *kūfī*, khat *nasakh/naskhī*, khat *thuluth*, khat *ta’līq* atau *fārīsī*, khat *riq’ah*, khat *dīwānī*. Huraianya secara terperinci adalah seperti berikut:

- **Khat Kūfī**

Khat *kūfī* merupakan jenis seni khat tertua dalam Dunia Islam. Jenis ini selalu digunakan untuk hiasan seni arkitek, berbentuk kaku, ditambah dengan hiasan flora atau dedaunan (*foliated kūfīc*), tulisan ini banyak memiliki sudut dan siku-siku serta bersegi, mengandungi garis-garis vertikal pendek dan garis horizontal yang memanjang (Syahruddin, 2001:29). Khat *kūfī* berkembang di bandar Kūfa, dan skrip ini menjadi lebih halus berhias dan sangat berpengaruh dalam seni kaligrafi Islam atau seni khat merata tempat sehingga kini.

Khat *kūfī* juga disebut *khat muzawwā*, iaitu salah satu jenis tulisan Arab berbentuk siku, tulisan ini berasal dari khat Hieri (*Hira*). Tulisan *kūfī* sering disebut *jazm*. Ada dua jenis tulisan yang berkembang di Makkah dan Madinah pada masa perkembangan khat *kūfī*, iaitu *khat mā’il* dan *khat mashāq*. Kedua-dua jenis tulisan ini memiliki persamaan bentuk dengan huruf-huruf *kūfī* yang akhirnya kedua-dua tulisan tersebut melebur menjadi bentuk tulisan jenis *kūfī*. *Kūfī* ini cirinya halus dan direka pada akhir abad ke10, ciri-ciri yang sangat ketara ialah coretan memanjang ke atas.

Jenis khat ini akan lebih menarik jika dipilih oleh pengukirnya untuk menjadi hiasan utama dalam menghasilkan karya ukiran kayu. Hal tersebut dapat digambarkan betapa khat *kūfī* dapat mengisi ruang-ruang kosong empat segi atau empat segi panjang dengan hiasan tulisan sama ada bersudut mahupun bersiku (Contoh ukiran khat *kūfī* dapat dilihat dalam Lampiran,Gambar 1).

- **Khat Nasakh/Naskhī**

Tulisan jenis ini dikenali juga sebagai *nasakh* atau *naskhī*. Merupakan jenis tulisan tangan berbentuk *cursif*, iaitu tulisan bergerak berpusing (*rounded*) dan sifatnya mudah serta jelas untuk dibaca (C. Israr, 1985:83). Ungkapan lain dinyatakan, bahawa “...kata *naskah* diambil daripada akar kata *nuskħah* atau *naskah*.” (Didin Sirojuddin AR, 1985:103). Khat ini merupakan tulisan asas yang paling banyak digunakan oleh umat Islam kerana mudah untuk dibaca dan dipelajari. Pada umumnya tulisan *cursif* ini lebih berperanan sebagai tulisan mushaf al-Quran jika dibandingkan dengan jenis khat *kūfī*.

Tulisan *nasakh* pada awalnya kurang berperanan, tetapi semenjak al-Wazir Abū ‘Alī al-Ṣadr Muhammad Ibnu al-Ḥasan Ibnu Muqlah atau lebih dikenali dengan nama Ibnu Muqlah, beliau telah menyempurnakannya dengan menyusun formula-

formula penting dalam penulisan khat nasakh ini pada abad ke-10 (Safadi, Y.H., 1979:64). Tulisan ini diperindah oleh Ibnu al-Bawwāb sehingga menjadi tulisan al-Quran mushaf Uthmani. Sejak itulah al-Quran banyak ditulis dalam tulisan nasakh jika dibandingkan dengan tulisan khat lainnya. Tulisan ini menjadi popular dan banyak diminati para khatāt lainnya sehingga menjadi salah satu jenis tulisan yang sangat ramai peminatnya.

Dengan semakin sempurnanya tulisan nasakh ini, sesudah ini telah membawa pengaruh positif terhadap penulisan mushaf al-Quran sehingga banyak digunakan dalam penulisan mushaf di pelbagai negara termasuk Malaysia dan Indonesia. Demikian juga penggunaannya terhadap ukiran kayu. Jenis khat nasakh dijadikan sebagai hiasan penting ukiran kayu yang banyak mendominasi karya-karya pengukir di Nusantara, selain ia memiliki ciri-ciri mudah dibaca dan bahkan senang untuk diukir di atas pelbagai jenis kayu, kerana tidak memiliki banyak hiasan atau harakat. Ukiran khat nasakh tersebut sangat mudah didapati dalam masyarakat Islam di Nusantara (Contoh ukiran khat nasakh dapat dilihat dalam Lampiran, Gambar 2).

• Khat Thuluth

Khat thuluth banyak digunakan untuk tujuan hiasan di pelbagai manuskrip, khususnya dalam pembuatan tajuk-tajuk buku atau sub-sub bab dan nama-nama kitab. Jenis ini juga digunakan sebagai tulisan hiasan pada dinding-dinding binaan atau hiasan dalaman. Jenis khat ini sesuai dengan karakter hurufnya yang *artistik* (menyangkut tentang seni dan kebudayaan). Susunan tulisan thuluth akan lebih berwibawa jika dilengkapi dengan *tashkīl* (harkat) dan *tazyīn* (hiasan) sehingga tidak ada lagi celah-celah dan ruang kosong yang tidak terisi melainkan penuh dan padat dengan hiasan sebagai pelengkap seri dan keindahannya. Tulisan ini dikembangkan sepenuhnya menjelang abad ke-9 dan menjadi sangat popular penggunaannya sebagai hiasan dan tulisan di masjid-masjid pada abad ke-10 dan ke-11 (Muzium Kesenian Islam Malaysia, 24 Julai 2004).

Penggunaan khat thuluth sebagai motif hiasan, juga banyak dikembangkan oleh Ibnu al-Bawwāb dan Yaqtūn al-Musta`shimi. Kedua-dua tokoh khat tersebut banyak berjasa dalam mengembangkan jenis tulisan cursif Arabini. Penggunaan khat thuluth terbahagi kepada dua jenis, iaitu *thuluth thāqīl* (bentuk thuluth yang tebal dan berat) dan *thuluth khāṣṣīf* (bentuk thuluth yang nipis dan ringan). Teknik penulisan ini sama dengan khat naskah, tetapi perbezaannya terletak pada ukuran tebal dan nipis huruf-hurufnya ditulis berdasarkan pena (kalam) yang digunakan. Khat thuluth selalu ditulis dengan teratur, kemas, indah, dan menarik. Thuluth dapat digabungkan dengan pelbagai bidang dan ruang, guna menempatkan komposisi hiasan cantik dan menarik.

Oleh sebab itu, keindahan khat thuluth akan semakin terserlah ketika menjadi hiasan utama atau tambahan dalam ukiran kayu. Jenis khat ini memiliki harkat dan baris yang penuh, hal tersebut dapat memenuhi ruang kayu yang diukir oleh pengukirnya, sama ada tulisan tersebut diukir timbul, diukir kerup, atau diukir tebuk mahupun diukir tebuk tembus. Ukiran jenis khat thuluth tersebut sangat padat dan

menarik untuk dijadikan sebagai hiasan dalam ukiran (Contoh ukiran khat thuluth dapat dilihat dalam Lampiran, Gambar 3).

• **Khat Ta`līq atau Fārisī**

Sesuai dengan namanya, jenis khat ta`līq atau fārisī banyak berkembang di Parsi (Iran), Pakistan, India dan Turki. Perkembangan khat ini bermula dari Parsi pada masa pemerintahan Dinasti Safavid (1500-1800 M). Pada masa pemerintahan Shah Ismail dan Shah Tahmas, khat ta`līq berkembang sehingga mengalami kemajuan amat pesat kerana tulisan ini menjadi satu tulisan rasmi yang digunakan di seluruh wilayah Parsi ketika dulu. Menurut sejarahnya, khat ta`līq berasal daripada tulisan jenis kūfī yang dibawa oleh penguasa-penguasa Arab pada masa penaklukan Parsi.

Bentuk dan corak tulisan ini nampak seperti tergantung di awan, oleh itu ia disebut nas ta`līq. Perkembangannya mencapai puncak kejayaan pada awal abad ke-15. Tokoh-tokoh penting pengembang tulisan ini adalah Abdul Havy, menurut sebahagian pendapat mengatakan bahawa Mir Ali Sultan al-Tabrizi adalah penemu pertama formula-formula tulisan nas ta`līq ini. Tokoh pengembang lain khat ini adalah ‘Abdurrahmān al-Khwārizmī, sebagai tokoh cemerlang pada abad ke-15. Kemudian dilanjutkan oleh kedua-dua puteranya Abdurrahim Anisi dan Abdul Karim Padshah. Para khatāt Parsi yang mempunyai nama Harum dalam pengembangan khat ta`līq dan nas ta`līq ini adalah Qāsim Shādī, Shāh Kabīr ibn Uways al-Ardabīlī, Kamālu’ddin Hirātī, Ghiyathuddīn al-Asfahānī dan ‘Imaduddīn al-Husaynī (Ali Akbar, 1995:86).

Sementara pengembangan jenis tulisan ini terus merentasi bumi Parsi, Pakistan, India, Cina kemudian berkembang ke Dunia-dunia Islam lainnya termasuk ke Asia Tenggara. Penggunaan jenis khat ini di Nusantara, juga tidak ketinggalan digunakan oleh para pengukir dalam menambah keindahan khat ta`līq tersebut ketika menjadi hiasan ukiran kayu. Jenis khat ini tidak memiliki harkat dan baris seperti khat nasakh atau thuluth melainkan huruf-hurufnya boleh diukir panjang ataupun pendek, hal tersebut dapat menjadi hiasan ukiran kayu yang lebih istimewa. Ukiran jenis khat ta`līq juga sangat unik kerana huruf-huruf melengkungnya seperti *nun*, *sin* atau *lam* boleh diukir memanjang ke bawah (Contoh ukiran khat ta`līq (fārisī) dapat dilihat dalam Lampiran, Gambar 4).

• **Khat Riq`ah**

Khat riq`ah disebut juga khat riq`ie atau riqā`, khat ini merupakan jenis tulisan cepat dan hampir sama dengan cara menulis stenografi (Ilmu trengkas, *Kamus Dewan edisi baru*, 1989: 1226). Corak ini banyak digunakan untuk tulisan tangan biasa yang bersifat ringkas dan cepat kerana tidak banyak memiliki lekukan. Dikatakan bahawa khat riq`ah berasal daripada tulisan nasakh dan thuluth yang dipadukan antara kedua-duanya, yang membezakan hanyalah cara penulisan khat riq`ah lebih cepat daripada kedua-duanya, sebab ia tidak memerlukan banyak lekukan pada hujung-hujung setiap hurufnya. Pada umumnya tulisan ini banyak berkembang di negara Turki Uthmani. Tulisan riq`ah mengalami kemajuan pesat sesudah mendapat

penyempurnaan daripada seorang khatāt/penulis khat terkemuka Turki, iaitu Syeikh Ḥamdullah al-Amāsi(1520 H). Seterusnya tulisan ini semakin sempurna melalui para khatāt Arab lainnya sehingga tulisan ini terpakai luas di seluruh Semenanjung Arab.

Penggunaan jenis khat ini dalam ukiran kayu tidak terlalu lazim, kerana hiasannya dianggap tidak terlalu menarik dan tidak cukup lengkap ketika dijadikan sebagai ukiran di atas kayu. Akan tetapi ia sering digunakan sebagai ayat-ayat panjang, sama ada yang akan ditulis mahupun diukir sebagai melengkapinya jenis khat lainnya (Contoh ukiran khat riq`ah dapat dilihat dalam Lampiran, Gambar 5).

• **Khat Dīwānī**

Khat dīwānī sangat berbeza dengan khat nasakh dan thuluth. Khat dīwānī berbentuk melingkar-lingkar, condong bersusun-susun, hurufnya tumpang tindih, lentur dan bebas. Namun ukuran dan bentuk huruf-hurufnya dalam satu ayat tidak bermacam-macam dan penulisannya pun sangat tergantung kepada kemahiran, kecekapan, kreativiti atau minat daripada penulisnya. Khat dīwānī merupakan suatu corak tulisan Uthmani yang sejajar perkembangannya dengan tulisan syikasteh fārisī.

Tulisan ini berkembang pada penghujung abad ke-15 dari hasil usaha gigih salah seorang khatāt Turki bernama Ibrahim Munif. Melalui kepakarannya menulis, jenis tulisan dīwānī ini banyak digunakan sebagai tulisan rasmi di pejabat-pejabat kerajaan Uthmani (Oloan Situmorang, 1986:93). Khat dīwānī seterusnya berkembang dan membentuk suatu corak yang unik berupa tulisan hias bernama dīwānī jalī (khat humayuni atau khat muqaddas). Jenis ini banyak disempurnakan oleh Syeikh Hamdullah al-Amāsi. Ciri-ciri dīwānī jalī pula memiliki corak hiasan berlebihan sehingga hiasannya lebih tampak daritulisannya.

Sementara penggunaan jenis khat ini dalam ukiran kayu tidak terlalu banyak, kerana hiasannya dianggap agak sukar untuk dijadikan sebagai ukiran kayu. Apatah lagi huruf-hurufnya yang melingkar-lingkar dan bulat-bulat sangatlah menyukarkan para pengukir untuk mengukirnya. Walaupun tidak banyak digunakan,namun apabila digunakan ia masih terlihat sangat cantik di atas karya-karya ukiran kayu (Contoh ukiran khat dīwānī dapat dilihat dalam Lampiran, Gambar 6).

Demikian beberapa huraihan contoh bentuk dan corak ukiran khat yang menjadi pencetus kesenian dan kebudayaan Islam di Terengganu khasnya dan di rantau ini amnya. Selain ia dapat menjadi salah satu realisasi tamadun yang unggul dalam lipatan sejarah peradaban Islam di Alam Melayu. Ini juga boleh dijadikan sebagai babak baru dalam meniti kecemerlangan kesenian umat Islam dan sekali gus wacana yang senantiasa perlu mendapat perhatian Dunia, sehingga tidak boleh diketepikan kewujudannya dalam umat Islam dan masyarakat Dunia.

Gambaran Dapatkan Kajian Seni Khat Ukiran Kayu

Untuk menghasilkan gambaran dapatan kajian yang menarik dan sistematik, maka penulis menggunakan beberapa pendekatan kaedah kajian sebagai langkah memantapkan hasil perbincangan ini, sepertiuraian berikut:

• Reka Bentuk Kajian

Kaedah kajian ini dibuat terdiri daripada beberapa aspek dan langkah penting yang digunakan untuk menghasilkan kajian lebih mendalam, seperti berikut:

Kajian Perpustakaan

Dalam perbahasan tentang sejarah pertumbuhan dan perkembangan seni khat ukir kayu secara umum, kami membuat rujukan di pelbagai perpustakaan di Malaysia, termasuk merujuk ke Perpustakaan Negeri Terengganu, Kuala Terengganu; Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM; Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI; Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Kuala Lumpur, dan sebagainya. Untuk meninjau aneka karya perhiasan ukiran seni khat kayu di galeri-galeri ukiran, masjid-masjid, pusat-pusat ukiran, pejabat, kedai perabot termasuk Taman Tamadun Islam di Kuala Terengganu, Rumah Ukiran Kayu Jepara, dan lain-lain, kami terpaksa melakukan lawatan hampir ke seluruh tempat dan kawasan di negeri Terengganu untuk menyempurnakan kajian ini.

Kajian Lapangan Secara Umum: Mengumpul Data (Mengambil Gambar Karya-karya Ukiran Kayu di Terengganu).

Hal ini setelah kami dapat maklumat yang diperoleh dari Pengarah Kraftangan negeri Terengganu, Kuala Terengganu, ketika lawatan kami pada tarikh 10 Jun 2012, dinyatakan bahawa ada empat besar pembahagian karya kraf penggiat seni di negeri Terenggannu, iaitu kain batik, anyaman, ukiran kayu, dan logam atau tembaga. Berdasarkan ungkapan ini, ternyata landasan kami memang tepat, kalau kajian ini mengambil aspek-aspek tersebut sebagai bahan kajian agar dapat memberikan gambaran jelas mengenai karya-karya seni khat ukiran atas pelbagai bahan di negeri Terengganu dengan mengambil lokasi kajian di beberapa pusat, sentra, dan galeri ukiran kayu tersebut, di antaranya ialah:

- Perbadanan Kraftangan Terengganu, Kuala Terengganu.
- Taman Tamadun Islam, TTI Management Sdn Bhd di Pulau Wan Man, Losong Panglima Perang, 21000 Kuala Terengganu, Darul Iman, Malaysia.
- Muzium Negeri Terengganu adalah Lembaga Muzium Negeri Terengganu, di Bukit Losong, 20566 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.
- Masjid Kayu di Jalan Besut-Jerteh, 22000 Besut, Terengganu.
- Pusat kraf batik Noor Arfah, Kuala Terengganu.

Kajian Lapangan Secara Khusus: Mengumpul Data (Mengambil Gambar Karya-karya Ukiran Seni Khat di Terengganu).

Untuk melengkapkan kajian dan penyelidikan ini, kami perlu mengambil gambar karya-karya ukiran seni khat secara khusus yang diambil gambarnya sebagai bahan pelengkap keunikan dan kreativiti karya ukiran kayu di Terengganu. Hal ini, sesuai dengan pemenuhan kehendak dalam memperdalam pemahaman tentang karya-karya ukiran kayu yang diukir oleh pengukir-pengukir hebat dan berbakat di tempat kajian ini. Pengambilan gambar di beberapa lokasi tersebar di Terengganu untuk mengungkap secara jelas kekayaan khazanah seni ukiran khat ini.

Kajian Lapangan dalam Pertandingan dan Pameran: Mengumpul Data (Mengambil Gambar Karya-karya Ukiran Seni Khat di Terengganu).

Selain karya-karya ukiran khat umum dan khusus tersebut, sebagai kajian lain untuk melengkapkan lagi kajian dan penyelidikan ini, kami juga mengambil gambar karya-karya ukiran seni khat ukiran kayu dari hasil pertandingan dan pameran yang diambil sebagai bahan pelengkap keunikan karya ukiran kayu di Terengganu tersebut.

Hal ini, sesuai dengan pemenuhan kehendak dalam memperdalam pemahaman mengenai karya-karya ukiran kayu yang diukir di negeri ini dan dari negeri lainnya yang didatangkan khas untuk mengikuti pertadingan. Hal ini, selalunya dilaksanakan oleh Taman Tamadun Islam (TTI) untuk program *Terengganu International Islamic Art Festival* (TIIAF) yang pertama pada tahun 2011, kedua 2012, dan ketiga 2013. Pengambilan gambar hasil karya pertandingan dan pameran ini, dimaksudkan agar dapat memberikan gambaran tambahan dalam memperkaya khazanah ukiran kayu yang tersebar luas di seluruh Malaysia melalui Terengganu sebagai tempat pengumpulan karya-karya tersebut. Sementara pengambilan gambar karya-karya ukiran seni khat kayu tersebut diharapkan dapat membantu penelitian kami dalam merungkai kehebatan khazanah ukiran kayu di Asia Tenggara dari masa ke masa.

Kajian Lapangan: Menemu Bual Tokoh dan Pengukir Terengganu.

Sebagai langkah yang tidak kalah pentingnya untuk melengkapkan kajian kami ini, kami perlu berbincang dengan tokoh-tokoh yang ada kaitannya dengan pengukir, pencinta dan penggiat seni ukiran kayu di negeri Terengganu. Oleh itu perlu kami paparkan tokoh yang terlibat aktif menumbuh kembangkan seni khat ukir tersebut. Adapun tempat dan tokoh tujuan penemu bualan dijalankan adalah seperti berikut:

- Tuan Hj. Zakaria bin Daud di Balai Seni Wampo-(Khazanah Seni Warisan) Jalan Balai Seni, Alur Lintang, 22200 Besut, Terengganu.
- En. Muhammad Nasir di Perbadanan Kraftangan Terengganu, di Kuala Terengganu.

- En. Muhammad Borhan di Desa Ukir Kayu Istana Tengku Long PA 1043, Pusat Kraf Jalan Tengku Long, Kampong Raja, 22000 Besut, Terengganu.
- En. Norhaiza Nordin di galeri ukiran kayu Tunjang Bakawali Sdn. Bhd. No. 79 Jalan Jerteh, Kampong Raja, 22000 Besut, Terengganu.
- En. Abdul Rahim di galeri ukiran kayu Ledang di Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Hasil pertemuan kami dengan mereka, kami banyak mendapat maklumat penting sekitar pertumbuhan, perkembangan, peranan, cabaran, kemudahan, sistem, cara, proses, peruntukan, pemasaran, gaya, corak, dan jenis seni ukiran kayu dan seni khat ukir di galeri-galeri ukiran kayu mereka sebagai tempat kajian ini dijalankan. Selain itu mereka juga banyak membantu kami dalam menjelaskan pertumbuhan dan perkembangan seni khat ukiran kayu dan pemasarannya. Dari temu bual kami ini juga bersama tokoh-tokoh tersebut, kami juga mendapatkan banyak maklumat penting mengenai penggunaan seni khat, pembinaan seni bina Islam berdasarkan kayu dan ukiran, masalah dana, cabaran, pembiayaan dan penyelesaian sekitar seni ukiran kayu, dan sebagainya.

• **Penganalisisan Data**

Sebagai langkah seterusnya iaitu penganalisisan data, setelah kami menemu bual tokoh dan pengukir serta mengambil gambar seni khat ukiran kayu yang terdapat di galeri atau pusat mengusahakan ukiran kayu terpilih di seluruh negeri Terengganu. Pertama kami mengambil karya ukiran seni khat kayu di Balai Seni Wampo (Khazanah Seni Warisan), Perbadanan Kraftangan Terengganu, Desa Ukir Kayu Istana Tengku Long, Pusat Kraf Jalan Tengku Long. Selain itu kajian juga dibuat di Taman Tamadun Islam (TTI), Galeri ukiran kayu Tunjang Bakawali Sdn. Bhd., Galeri ukiran kayu Ledang, Masjid Kayu, dan Pusat kraf batik Noor Arfah di Kuala Terengganu.

Kemudian kami memilih karya yang bertulisan pelbagai jenis khat pada ukiran kayu termasuk bertulisan Jawi, kami mengambil gambar ukiran yang tertera seni khat di dalamnya walaupun hanya sedikit, kami juga mengambil gambar seni khat ukir di atas mimbar, rihal, batu bersurat, menara, mihrab atau tiang masjid, papan tanda, dan sebagainya. Seterusnya kami abadikan gambar karya ukiran bertulisan seni khat di pelbagai peralatan, karya seni, tingkap, pintu, perhiasan dan lain-lain. Setelah semua gambar karya telah dihasilkan lalu kami seleksi lalu dikelompokkan dan seterusnya diasangkan sesuai dengan kategori masing-masing, maka hasilnya dapat kami huraikan sesuai dengan model, bentuk, motif, dan kreativiti yang mencorakkan ukiran Terengganu tersebut. Berikut paparannya secara terperinci:

Kandungan Ayat al-Quran Terpilih yang Membentuk Kreativiti Seni Khat Ukiran Kayu di Negeri Terengganu

Jadual 1: Analisis isi dan kandungan ayat atau ungkapan yang membentuk tulisan khat tersebut dipilih untuk menghasilkan karya ukiran kayu di Terengganu

Jenis Ayat /Ungkapan	Jumlah / Peratusan
Lafaz al-Basmalah	12
Lafaz Kalimah Syahadatain	6
Ayat al-Quran	40
Ayat Kursi	3
Kandungan al-Hadith	4
Untaian Doa	1
Ungkapan dan Pepatah Arab	9
Ungkapan dan Pepatah Melayu	5
Senarai Nama atau Jadual	9
Nama Masjid/Syarikat/Sekolah/ Institusi/ Universiti/Istana	5
Kandungan dan ungkapan lainnya	6
Jumlah	100 Karya

Untuk kelompok jenis kandungan ayat atau ungkapan yang membentuk tulisan khat tersebut dipilih untuk menghasilkan karya ukiran kayu. Dalam hal ini kami juga tetap menganalisis sebanyak 100 (seratus) karya yang kami abadikan dalam gambar, penggunaan ayat-ayat al-Quran sebagai hasil karya pengukir Terengganu sangat mendominasi penggunaannya dalam karya mereka, jika dibandingkan dengan ayat atau ungkapan lainnya.

Hal ini disebabkan pemilihan ayat-ayat al-Quran menjadi salah satu keyakinan orang Melayu untuk dijadikan sebagai bacaan harian, doa, zikir dan amalan harian yang membawa pahala berlipat ganda. Selain itu biasanya ayat-ayat al-Quran ini menjadi pedoman, selain sudah sebatи dengan kehidupan masyarakat Melayu yang beragama Islam di Nusantara. Perincian kajiannya secara mendalam seperti berikut:

- **Lafaz al-Basmalah (12 Karya)**

Lafaz *al-basmalah* banyak kami dapati sebagai petikan penting yang diukir oleh pengukir-pengukir setempat, dan ia dipelbagaiakan dalam beragam bentuk dan motif, atau menjadi hiasan utama di rumah, istana, masjid dan lain-lain. Ada 12 karya yang kami temukan dalam ukiran Terengganu sempat mencorakkan jenis ukiran lafaz *al-basmalah* ini. Ukiran lafaz ini berbunyi seperti berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

- **Lafaz Kalimah Syahadatain (6 Karya)**

Petikan yang ditulis dalam lafaz kalimah syahadatain merupakan petikan yang juga penting dan banyak diukir oleh pengukir sebagai pelengkap hiasan ukiran, dan ia menjadi sebagai salah satu hiasan penting kami temukan di banyak tempat dalam ukiran Terengganu. Ada enam karya kami temukan yang mencuba mencorakkan jenis ukiran lafaz kalimah syahadatain ini. Ukiran lafaz ini, berbunyi seperti berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ.

- **Ayat al-Quran (39 Karya)**

Kandungan ayat-ayat al-Quran merupakan teras dalam pengajaran Islam, oleh itu pengukir Terengganu lebih memilih ayat-ayat al-Quran untuk dijadikan sebagai hiasan penting dalam karya-karya ukiran mereka. Dalam kajian kami, terdapat 39 karya yang mengandungi ayat-ayat al-Quran sebagai tulisan utama dalam mencantikkan seni ukiran. Walaupun ada juga Hadith-hadith atau ungkapan-ungkapan Arab lainnya yang dijadikan sebagai petikan dalam mencorakkan ukiran mereka. Ukiran ayat-ayat al-Quran ini sangat banyak, kerana ia diambil bermula daripada surah al-Fatihah sehingga surah al-Nas, gambarannya adalah seperti petikan-petikan ayat-ayat berikut:

ومن يتق الله يجعل له مخرجا 0 ويرزقه من حيث لا يحتسب ومن يتوكى على الله فهو حسبي إن الله بلغ أمره قد جعل الله لكل شيء قدرًا (الطلاق 3-2). – يعبادي الذين آمنوا إن أرضي وسعة فاليبي فأعبدون (العنكبوت 56). – سورة العصر (العصر 3-1). – إن الأبرار لففي نعيم 0 وإن الفجار لففي جحيم 0 (الإنطمار 14-13). – وتوكى على الحي الذي لا يموت وسيج بحمده وكفى به بذنوب عباده خبيرا (الفرقان 58). – الذين آمنوا وهاجروا وجهدوا في سبيل الله بأموالهم وأنفسهم أعظم درجة عند الله وأولئك هم الفائزون (التوبه 20). – يا أيها الذين آمنوا اتقوا الله حق تقاطه ولا تموتون إلا وأنتم مسلمون (آل عمران 102). – سورة الشرح (الشرح 8-1). – والذين هم للزكوة فطلون (المؤمنون 4). – قل اللهم ملك الملك توتي الملك من تشاء وتنتزع الملك من من تشاء وتعز من تشاء وتذل من تشاء ... (آل عمران 26). – ومن حيث خرجة فول وجهك شطر المسجد الحرام و حيث ما كنتم فولوا وجوهكم شطرا ... (البقرة 150). – سورة الفاتحة (الفاتحة 7-1). – ارجع إلى ربك راضية مرضية 0 فادخلني في عبدي 0 وادخلني جنتي (الغجر 28-7). – فإذا فرغت فانصب 0 وإلى ربك فارغب (الشرح 8-7). (30).

• Ayat Kursi (4 Karya)

Perlu diketahui bahawa ada juga petikan ayat kursi yang ditulis dan diukir oleh pengukir setempat yang dijadikan sebagai pelengkap karya mereka. Karya ini menjadi sebagai salah satu hiasan yang biasa dijumpai dalam tulisan khat pelbagai jenisnya, namun dalam ukiran Terengganu kami hanya menemukan empat karya sahaja, dari semua karya yang kaji yang sempat mencorakkan ukiran setempat ini, seperti kandungan ayat kursi berikut:

الله لا إله إلا هو الحي القيوم لا تأخذه سنة ولا نوم له ما في السموات وما في الأرض من ذا الذي يشفع عنده إلا بإذنه يعلم ما بين أيديهم وما خلفهم ولا يحيطون بشيء من علمه إلا بما شاء وسع كرسيه السموات والأرض ولا يؤوده حفظهما وهو العلي العظيم (البقرة 255).

• Kandungan al-Hadith (3 Karya)

Selain ayat-ayat al-Quran yang diambil oleh pengukir-pengukir Terengganu sebagai hiasan utama, namun kami dapat juga kandungan ḥadīth-ḥadīth Nabi yang menjadi hiasan penting sebagai tambahan dalam karya-karya ukiran mereka. Walaupun dalam kajian kami hanya mendapati tiga karya sahaja mengambil kandungan al-Ḥadīth sebagai tulisan dalam mengisi karya ukiran mereka. Akan tetapi ini menjadikan rujukan penting dalam ungkapan-ungkapan Arab lainnya yang dijadikan sebagai bahan dalam ukiran Terengganu. Ukiran yang mengandungi al-Ḥadīth ini ada tiga karya, gambarannya adalah seperti petikan al-Ḥadīth berikut:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: الدين النصيحة – ارحموا في الأرض برحمكم في السموات.

- **Untaian Doa (2 Karya)**

Kajian kami ini juga mendapati petikan untaian doa yang menjadi bahan ukiran pengukir setempat di Terengganu. Petikan doa ini dari semua bahan karya yang kami teliti, hanya dua karya sahaja diukir dalam bentuk khat nasakh. Hal ini juga sering dijadikan sebagai pelengkap ukiran ayat-ayat al-Quran yang menjadi hiasan utamanya. Ukiran berupa untaian doa ini berbunyi seperti berikut:

اللهم عافي في قدرتك، وادخلني في رحمتك، واقضي أجي لي طاعتك، واختم لي بخير عملي،
وامعذن ثوابه الجنة. – اذهب الباس رب الناس اشفى وأنت الشافي لا شفاء الا شفاؤك شفاء لا
يغادر سقما.

- **Ungkapandan Pepatah Arab (9 Karya)**

Ungkapan dan pepatah Arab di sini terdiri daripada ayat yang lengkap atau frasa. Isinya ada yang menunjukkan nama, arahan, suruhan, falsafah, pepatah, larangan, frasa menunjukkan sesuatu tempat, dan sebagainya. Kami mendapati sembilan karya yang diukir di atas kayu dengan mengandungi ungkapan dan pepatah Arab tersebut. Ukiran berupa ungkapan dan pepatah Arab, seperti huraihan berikut:

لا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم – ماشاء الله لا قوته الا بالله – قاعة الصلاة الرئيسية –
ادخلوها بسلام امنين – سنة – سبحان الله و بحمده.

- **Ungkapan dan Pepatah Melayu (5 Karya)**

Ada juga kami dapati dalam berbentuk ungkapan dan pepatah Melayu, terdiri daripada ayat lengkap atau frasa. Isinya juga hampir sama dengan ungkapan dan pepatah Arab di atas, iaitu ada yang menunjukkan nama, arahan, suruhan, falsafah, pepatah, larangan, frasa yang kandungannya menunjukkan sesuatu tempat dan lain-lain. Kami mendapati lima karya sahaja yang diukir di atas kayu dengan mengandungi ungkapan dan pepatah Melayu. Ukiran berupa ungkapan dan pepatah Melayu adalah seperti tulisan berikut:

تامن عوام لا تكون كوالا اياباي – باتو برسورت – بوکو جاوي.

- **Senarai Nama atau Jadual (9 Karya)**

Karya-karya ukiran kayu, ada yang memaparkan tajuk papan senarai nama ahli jawatankuasa, papan jadual, jadual waktu solat dan lain-lain. Lazimnya ukiran nama ini dipaparkan untuk jangka panjang dengan tulisan Jawi atau rumi yang dipaparkan di luar masjid, sekolah, pejabat, pintu gerbang atau catatan-catatan di sekitar

pengasasan dan perasmian bangunan tersebut. Hal ini biasanya dijadikan sebagai informasi penting yang mengandungi fakta-fakta sejarah yang berhubung kait dengan apa-apa maklumat diperlukan oleh informan. Hal tersebut juga banyak dijadikan sebagai keterangan penting sebagai sejarah penubuhan bangunan tersebut dan sebagainya. Dari kajian kami, terdapat sembilan karya dalam jenis ukiran ini. Ukiran dalam bentuk senarai nama atau jadual adalah seperti tulisan berikut:

الله جل جلاله، محمد رسول الله، أبو بكر الصديق، عمر بن الخطاب، عثمان بن عفان، علي بن أبي طالب، عمر باهرية، صفيان، صبرية.

- **Nama Masjid/Syarikat/Sekolah/Institusi/Universiti/Istana (5 Karya)**


Kajian kami selanjutnya ada juga mendapati nama masjid, syarikat, sekolah, institusi, universiti, istana, dan sebagainya yang diukir indah menggunakan kayu ukiran. Kandungan ukirannya juga hampir sama dengan karya ukiran dalam bentuk ungkapan dan pepatah Arab atau Melayu, iaitu ada yang menunjukkan nama, arahan, suruhan, falsafah, pepatah, larangan, frasa yang menunjukkan sesuatu tempat dan lain-lain. Kami mendapati jenis ini dalam lima karya sahaja, yang diukir di atas kayu dengan mengandungi nama-nama tersebut. Ukiran dalam bentuk tulisan rumi berupa namanama tersebut, contohnya seperti berikut:

Warisan Seni Ukiran Kayu, Rafiq Rizan, Tripeny Raraswiji 90, Desa Ukiran Kayu Istana Tengku Long, dan Terrapuri.

- **Kandungan dan Ungkapan Lainnya (6 Karya)**

Selain yang telah kami sebutkan di atas, selanjutnya ada juga kami dapati kandungan dan ungkapan lain dalam bentuk nama, pepatah, ayat, falsafah, dan sebagainya yang diukir dengan indahnya menggunakan kayu ukiran berkualiti tinggi. Kandungan ukirannya ada dalam bentuk simen, besi, logam, tembaga, dan lain-lain. Kami mendapati kandungan dan ungkapan ini dalam enam karya sahaja, sebagai gambaran bahagian terakhir ini. Ukiran dalam bentuk ungkapan lain berupa nama dan lainnya adalah seperti ungkapan di bawah ini (Contoh pemilihan ayat sebagai tulisan terpilih ini dapat dilihat dalam Lampiran, Gambar 16 dan 17).

أسماء الحسنی، العدل، سلطان عبد الجلیل.



Rajah 2: Carta gambaran kelompok penggunaan tulisan ayat-ayat terpilih dalam perlbagai ukiran kayu di Negeri Terengganu.

Setelah kami paparkan dapatan kajian di atas, sebenarnya pada amnya tidak banyak penelitian dijalankan di Terengganu, Malaysia, dan Nusantara yang memperkatakan seni khat ukiran kayu. Bagaimanapun Norhaiza Nordin (2009), seorang pengukir Terengganu yang sudah lama berkreasi dalam ukiran kayu, sudah pun mula menulis buku rujukan mengenai ukiran kayu ini, bertajuk *Ukirian kayu warisan Melayu*, diusahakan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Seksyen 63, Jalan Conlay 50450, Kuala Lumpur, Malaysia.

Demikian beberapa perincian tulisan, bahan, bentuk, dan jenis khat yang dilakarkan di atas karya ukiran khat oleh pengukir-pengukir di Terengganu khasnya dan di Nusantaranya dengan perinciannya masing-masing. Selain itu karya ini dapat dijadikan sebagai titik tolak kecemerlangan karya seni ukiran kayu umat Islam, dan sekali gus kayu ukur untuk meningkatkan hasil karya kraf dalam kalangan umat Islam dan masyarakat Dunia keseluruhannya.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berikut beberapa perbahasan yang menjadi bahan perbincangan untuk dijadikan sebagai faktor penting dalam memajukan seni khat Melayu di Nusantara.

- Perbincangan**

Sebagai hasil kajian kami secara keseluruhannya penggunaan jenis khat thuluth kami dapati yang paling banyak digunakan untuk hiasan karya ukiran kayu di negeri

ini. Kayu jati pula, menjadi bahan kayu pilihan utama dalam menghasilkan ukiran khat kayu dalam karya mereka. Motif empat persegi panjang pula menjadi pilihan corak terbanyak yang dipilih oleh pengukir-pengukir kayu di Negeri Terengganu.

Karya ukiran seni khat yang banyak memaparkan jenis-jenis khat terpilih, yang biasanya mengandungi ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith sebagai hiasan terpenting ukiran kayu yang banyak digunakan oleh pengukir-pengukir di negeri ini. Sayang sekali karya ukiran ini masih tidak ramai peminatnya dalam masyarakat setempat, terutama yang mahu menjadikannya sebagai hiasan utama di pejabat dan rumah kediaman mereka. Padahal karya-karya ukiran tersebut sudah memilih jenis khat yang baik, petikan ayatnya daripada al-Quran dan al-Hadith, bentuknya sangat menarik, corak dan motifnya sangat sesuai dijadikan sebagai hiasan ciri khas seni budaya setempat.

Karya-karya ukiran khat yang menampilkan seni warisan setempat ini menjadi satu khazanah yang perlu dilestarikan sehingga bila-bila masa, sama ada dalam bentuk ukiran di dinding masjid, sekolah, pejabat, mimbar, mihrab, rehal, dan sebagainya. Dalam hal ini, kesan atau faedah seninya semakin terasa dalam masyarakat Islam yang menjunjung tinggi seni dan budaya setempat, walaupun kadang kala menggunakan perbelanjaan yang banyak.

Pengukir khat tidak semestinya mengetengahkan karya-karya mereka yang mahal semata-mata, tetapi perlu juga memunculkan karya-karya yang agak murah selama terjaga kualiti dan kuantitinya. Selain itu perlu tetap menjaga ketelitian tulisan khatnya dan sentiasa menjaga kaedahnya yang digunakan dalam karya ukiran mereka. Barangkali dengan menjaga ini semua, akan terhasilah karya-karya seni di Alam Melayu yang hebat dan berwibawa pada masa akan datang.

Para pengukir khat yang telah berjasa mencipta karya-karya ukiran cantik dan indah adalah insan pembuat sejarah dalam hidup mereka dan masyarakatnya. Walaupun pengukir ini, ada yang sebahagian sederhana, ada yang terkenal, dan ada pula yang kurang tersohor, malah mungkin banyak lagi yang tidak kita ketahui siapa pengukirnya. Gejala ini berlaku mungkin disebabkan oleh ketidak kecakapan para pengukir tersebut dalam memperkenalkan dirinya sehingga tidak mampu menjual karya-karya ukiran mereka kalangan awam.

• Cadangan

Berikut beberapa perbahasan lanjut daripada temuan kajian yang perlu pengkaji kemukakan. Dalam hal ini cadangan kami dapat dijadikan sebagai bahan untuk memajukan seni khat ukirankayu di Nusantara.

- Dapat dikatakan bahawa hampir semua negeri, tidak hanya Negeri Terengganu, kalau mengikut rancangan pengukir dan peminatnya, maka tidak mustahil akan dapat melahirkan seni ukiran kayu bercirikan orang Melayu di Nusantara.

- Penerapan seni khat dan Jawi di atas ukiran kayu di beberapa tempat di Terengganu, diharapkan dapat diikuti oleh negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia sehingga Sabah dan Sarawak, termasuk negara ASEAN lainnya.
- Penerapan seni khat dan Jawi di pelbagai ukiran kayu, dapat menjadikan seni khat semakin berharga dan bernilai tinggi untuk dijadikan perhiasan di pelbagai tempat. Dan bantuan kewangan yang sewajarnya hendaklah dihulurkan.
- Jabatan Agama Islam Terengganu (JAIT) diharapkan dapat memantau kegiatan pengukiran khat kayu, supaya perhiasan tulisan khat ini dapat dibuat dengan betul dan menarik sehingga dapat memberikan kesan luaran dan dalaman. Harus dielakkan karya-karya ukiran tersebut daripada ‘asal jadi’.
- Untuk ini juga, Jabatan Agama Islam Terengganu (JAIT) atau pertubuhan dan persatuan pengukir yang ada di Terengganu, diminta juga menu buhkan persatuan seni khat atau mencari penulis-penulis khat dan pengukir yang betul-betul berbakat.
- Melalui kajian penyelidikan ini, kami menyarankan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar membuat suka tan pelajaran di sekolah-sekolah dalam mengajarkan kemahiran ukiran kayu ini dengan menggunakan khat dan Jawi.
- Meminta kepada para pengukir dan peminat ukiran muda untuk lebih meningkatkan lagi keterampilan mengukir seni khat dan Jawi, bermula daripada peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sehingga dewasa.
- Pilihan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith perlu dipelbagaikan lagi pengukiran khatnya. Sekiranya menggunakan ejaan Jawi, penggunaannya pastikan betul, khususnya menyangkut nama masjid, universiti, sekolah dan lain-lain.
- Aktiviti ukiran kayu perlu terus dilestarikan, sekiranya terdapat juga ukiran berseni abstrak, berseni campuran, atau berbahasa Melayu, dan bahasa lainnya, atau mesti sentiasa dipantau supaya ia gramatis dan menarik agar terhindarkan segala kesalahan.
- Untuk masa jangka panjang, Jabatan Agama Islam Terengganu (JAIT) dan Jabatan Pendidikan Terengganu, hendaklah sentiasa berusaha memberi kursus-kursus penting yang dapat melahirkan pengukir-pengukir khat warga negeri ini yang berbakat hebat. Wajar sekali selalu diadakan pertandingan seni ukiran kayu di semua peringkat untuk mencapai matlamat ini tersebut.
- Taman Tamadun Islam (TTI) yang terletak di negeri tempat kajian ini dilakukan, mestilah menambah lagi kegiatan yang dapat membumikan ukiran khat kayu dan tulisan Jawi. Kursus-kursus seni ukiran khat sebagai kurikulum, hendaklah terus diperkenalkan dan ditambahkan lagi dari masa ke masa. Jika perlu dibawa masuk guru pengukir khat dari luar negara yang berpretasi untuk mewujudkan matlamat dan impian ini.

- TTI juga harus bekerjasama dengan JAIT dalam menghasilkan bakal calon-calon pengukir khat di Negeri Terengganu. Begitu juga kerjasama antara TTI dengan Persatuan Seni Khat Kebangsaan (PSKK) dan persatuan-persatuan seni lainnya.
- Melalui hal tersebut, dalam konteks ukiran kayu ini, kerjasama dan persefahaman patut ada antara Jabatan Pelajaran Negeri; Jabatan Kebudayaan Negeri; dan Jabatan Agama Islam Negeri. Ketiga-tiga badan ini jika bersepakat, tentu dapat membuat pelbagai kegiatan yang memantapkan penguasaan seni khat ukiran kayu di sekolah, pejabat, universiti dan sebagainya.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, perlu direnungi bahawa seni khat ukiran kayu merupakan kemahiran menulis dan mengukir yang cantik dengan dipelbagaikan dalam segala bahan kayu, kerana adanya dukungan daripada al-Quran dan al-Hadith sebagai konsep tulisan yang ditulis ataupun diukir. Selain itu adanya seni khat ukiran menggunakan pelbagai jenis kayu yang berkembang di Terengganu juga dapat dijadikan sebagai titik tolak kemajuan seni ukiran kayu yang boleh berpengaruh luas terhadap ketamadunan Melayu di Nusantara. Selain itu seni khat merupakan salah satu bidang seni Islam yang menjadi sumber kraf tangan, dan menjadi identiti jati diri yang dapat mewakili watak atau budaya masyarakat Terengganu khasnya dan masyarakat Melayu amnya. Hal ini tidak terlepas dari kewujudan makna, falsafah, jenis, motif, bentuk, dan corak yang telah digambarkan melalui seni khat ukirankayu yang tumbuhberkembang di negeri ini sehingga menyebar ke seluruh pelosok Alam Melayu.

Pelbagai kandungan ayat al-Quran dan al-Hadith digunakan untuk menghasilkan hiasan ukiran khat kayu di Terengganu, selain untuk menghasilkan keindahan sesuatu ukiran khat yang di lengkapi proses olahan, gaya, bahan, pola, dan teknik pengukiran sempurna oleh pengukir-pengukirnya. Selain paparan tersebut diharapkan juga dapat mengungkap ukiran khat kayu ini sebagai cerminan kehendak dan minat masyarakatnya di Nusantara, selain fungsi karya seni ini juga diharapkan dapat dihadirkan di tengah-tengah masyarakat Islam yang majmuk, menjadi obor penerang dalam merealisasikan peradaban manusia yang bertamadun dan bermartabat sehingga bila-bila masa.

RUJUKAN

Al-Quran dan terjemahannya. 1974 dan 1986. Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.

Abdul Halim Nasir, 1986. *Ukirian kayu Melayu tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan

Pustaka.

- Abdul Kabir al-Khāṭībī & Mohammed Sijelmassi. (1976). *The Splendour of Islamic Calligraphy*. London: Thames and Hudson Limited.
- Abdul Kadir. (1979). *Risalah dan Kumpulan Data Tentang Perkembangan Seni Ukir Jepara*. Jepara: BAPPEDA Jepara.
- Al-Baba, Kami. (1992). Terj. Didin Sirojuddin, AR. *Dinamika Kaligrafi Islam*. Jakarta: Darul Ulum Press.
- Ali Akbar. (1995). *Kaedah Menulis Kaligrafer dan Karya-Karya Master*. Cet. III. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- C. Israr. (1985). *Dari Teks Klasik Sampai ke Kaligrafi Arab*. Jakarta: Yayasan Masagung.
- Didin Sirajuddin, AR. (1985). *Seni Kaligrafi Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Gustami, S.P. (1999). *Seni Kerajinan Mebel kiran Jepara*. Yogyakarta: Penerbit ASRI.
- Ismail Said & A. Saifuddin Abdullah. (2005). *Spesies-Spesies Kayu Dalam Seni Ukiran Melayu*. Johor Bahru: UTM Press.
- Isma'il Raji al-Farūqi & Lois Lamya' al-Farūqi. (1986). *The Cultural Atlas of Islam*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (1988). Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Kamus Dewan Edisi Baru*. (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- KeKKWa dan Jabatan Muzium Malaysia. (2006). *Manifestasi Tulisan "Jawi"*. Kuala Lumpur: Darsani
- Kraftangan Malaysia. (2009). *Ukir Kayu Warisan Melayu*. Kuala Lumpur: Mantera Communications Sdn. Bhd.
- Manja Mohd. Ludin & A. Suhaimi Hj. Mohd. Nor. (1995). *Aspek-Aspek Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Bukhari Lubis, Idris bin Mohd. Radzi, & Muhammad Anas bin al-Muhsin. (2004). *Laporan penyelidikan Pelestarian tulisan Jawi: manifestasi khat Islami di masjid-masjid negeri Perak*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Muhammad Quraish Shihab. (1996). *Membumikan Al-Quran*. Jakarta: Lentera Hati.
- Norhaiza Nordin. (2009). *Ukir Kayu Warisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini A. Shariff. (2010). *Seni Kraf Pilihan Terengganu (Selected Handicrafts)*. Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM).
- Nurul Makin. (1995). *Kapita Selekta Kaligrafi Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Oloan Situmorang. (1986). *Seni Rupa Islam, Pertumbuhan Dan Perkembangannya*. Bandung: Angkasa.
- Safadi, Y.H. (1978). *Islamic Calligraphy*. London: Thames and Hudson.
- Sayyed Hossein Nasr. (1987). *Spiritualitas dan Seni Islam*. Bandung: Mizan.
- Seni Rupa Islam Malaysia Tradisional dan Sezaman*. (1991). Kuala Lumpur: Departemen Kesihatan.
- Sutartono Kartodirdjo. (1987). *Kebudayaan Pembangunan Dalam Perspektif Sejarah*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Syahruddin. (2001). *Kaligrafi al-Quran dan metodologi pengajarannya*. Jakarta: Sabit Kaligrafi Pluss.
- Terengganu International Islamic Arts Festival 2012*. (2012). Kuala Terengganu: TTI

Management Sdn. Bhd.
Ubaidullah Ibn al-‘Abbās. T.th. *Lisān al-yadd*. T.tp./T.p.
Map Negeri Terengganu dan Kelantan

LAMPIRAN:



Gambar 1



Gambar 2

1. Contoh ukiran timbul bermotif khat kūfi. Karya hiasan tingkap diukir di galeri Balai Seni Wangpao Terengganu, bertulis *Bismillāhi al-raḥmani al-raḥīmi* (Balai Seni Wangpao, 10 Jun 2012).
2. Contoh ukiran timbul menggunakan khat nasakh yang diukir agak kecil dengan bertuliskan *qa’atul solat al-raisiyyah* (Dewan Solat Utama), ukiran seperti ini biasa dijumpai dalam masjid-masjid di Nusantara (Masjid Jamik Kuala Lumpur, 13 September 2012).



Gambar 3



Gambar 4

3. Contoh ukiran tebuk jenis khat thuluth (bersusun) diukir secara teliti oleh pengukirnya yang mengandungi ayat kursi dari lafaz *Allāhu lāa ilāha* sehingga akhir ayat. Karya seperti ini dapat dijumpai dalam pelbagai koleksi galeri di Alam Melayu (Jepara, 4 April 2013).

4. Contoh ukiran tebuk terus berbentuk khat ta'līq (fārisī) diukir sangat simetris diukir secara teliti dengan latar belakang kali bersilang dan sekelilingnya dilengkapi hiasan corak, tulisan ini mengandungi kalimat "*Lā Ilāha IllaAllāh*", karya koleksi galeri Balai Seni Wangpao Terengganu (Balai Seni Wangpao, 10 Jun 2012).



Gambar 5



Gambar 6

5. Contoh ukiran khat jenis riq'ah yang menghiasi bahagian hadapan mimbar surau kampung Kerling Hulu Selangor. Ukiran tersebut mengandungi al-Hadith peringatan larangan bercakap ketika khatib berkhutbah di atas mimbar (Masjid Kerling, Hulu Selangor, 14 September 2013).
6. Contoh ukiran timbul khat dīwānī yang berciri melingkar-lingkar, halus dan lembut memiliki keseimbangan huruf yang kemudian disapukan dengan varnis. Khat ini terkadang digunakan untuk penulisan hal-hal berharga, puisi, ungkapan-ungkapan, kata-kata hikmah yang panjang atau pendek dan sebagainya. Tulisan ini berbunyi *Bismillāhi al-Rahmāni al-Rahīmi* (Desa Ukiran Kayu, 10 Jun 2012).




Gambar 7



Gambar 8

7. Contoh ukiran tebus tembus dalam khat dīwānī. Karya ukiran ini berbentuk bulat diukir dengan dikelilingi hiasan bunga bersilet. Ukiran khat ini bertulis surah *al-Ikhlas* (Jepara, 4 April 2013).

8. Contoh ukiran kerub dalam khat thuluth. Karya ukiran ini berbentuk bulat telur diukir dengan hiasan bunga berbingkai rantai. Ukiran khat ini merupakan hasil pertandingan dalam *Terengganu International Islamic Arts Festival II* (TIIAF 2012) 14-17 September 2012, bertulisan *Wallazina hājaru wa jā hadu bi amwālihim...* (Dewan Besar Taman Tamadun Islam, 17 November 2013).




Gambar 9



Gambar 10

9. Contoh ukiran kerub berbentuk khat kūfi empat segi. Karya ini merupakan hasil pertandingan dalam *Terengganu International Islamic Arts Festival III* (TIIAF 2013), pada tarikh 16-17 November 2013 di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu. Khat ini bertuliskan *Fa izā faraghta fanṣab, wa ilā rabbika farghab* (Dewan Besar Taman Tamadun Islam, 17 November 2013).
10. Contoh ukiran tebuk tembus berbentuk khat kūfi maghribi, halus dan lembut dengan gaya bunganya, tetapi ia memiliki keseimbangan huruf dengan bingkai empat segi. Khat ini terkadang digunakan untuk tulisan pepatah Arab, kata-kata hikmah dan lain sebagainya. Kandungan tulisan ukiran ini adalah *Umar Bahrisoh* (Jepara, 4 April 2013).



Gambar 11



Gambar 12

11. Contoh ukiran timbul dalam bentuk bersegi-segi jenis khat thuluth, ukirannya halus dan lembut dengan gaya berwibawa, tetapi ia memiliki tingkat kesukaran

tinggi kerana huruf-hurufnya diukir dengan kepakaran semula jadi. Khat ini kadang kala digunakan untuk tulisan pepatah Arab, kata-kata hikmah dan lain-lain. Kandungan tulisan ukiran ini adalah *Ayat Kursi* (Jepara, 4 April 2013).

12. Contoh ukiran tebuk tembus dalam khat thuluth. Karya ukiran ini gaya tidak berpola, diukir semula dari hiasan istana lama Terengganu. Ukiran ini dikelilingi hiasan bunga bersilet. Ukiran khat ini bertulis *Allāh ḥayyu al-ṣamad* ... (Galeri ukiran “Ledang”, 9 Jun 2012).



Gambar 13



Gambar 14

13. Contoh ukiran timbul bertulisan rumi, memiliki keseimbangan huruf antara satu dengan lainnya. Tulisan ini dijumpai di pintu gerbang masuk ke Desa Ukiran Kayu Kampung Raja, Besut. Pintu ini bertulis Desa Ukiran Kayu Istana Tengku Long (Desa Ukiran Kayu, 9 Jun 2012).
14. Contoh ukiran timbul bertulisan Jawi, tulisan ini menghuraikan tentang galeri desa ukiran kayu berbentuk papan tanda, karya tersebut dapat dijumpai berdekatan pintu gerbang masuk ke Desa Ukiran Kayu Kampung Raja, Besut(Desa Ukiran Kayu, 9 Jun 2012).



Gambar 15



Gambar 16

15. Contoh ukiran tebuk tembus dalam khat thuluth. Karya ukiran ini berbentuk bulat diukir dengan dikelilingi hiasan bunga bersilet.Ukirin khat ini berbunyi *Lā ilāha illaAllāh Muḥammad Rasulullah* (Balai Seni Wangpao, 10 Jun 2012).
16. Contoh ukiran timbul berbentuk jenis bulat dalam khat thuluth. Karya ini merupakan hasil pertandingan dalam *Terengganu International Islamic Arts*

Festival II (TIIAF 2012), tarikh 14-17 September 2012 di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu. Khat thuluth ini berbunyi:

وتوكل على الحي الذي لا يموت وسبح بحمده وكفى به بذنوب عباده خبيرا (الفرقان 58).

(Dewan Besar Taman Tamadun Islam, 17 November 2013).



Gambar 17



Gambar 18

17. Contoh ukiran timbul bergaya khat thuluth dalam bentuk empat persegi panjang. Karya ini merupakan hasil ukiran galeri “Muda” Terengganu. Khat thuluth ini memaparkan Ayat al-Kursi iaitu:

الله لا إله إلا هو الحي القيوم لا تأخذه سنة ولا نوم له ما في السموات وما في الأرض من ذا الذي يشفع عنده إلا بإذنه يعلم ما بين أيديهم وما خلفهم ولا يحيطون بشيء من علمه إلا بما شاء وسع كرسيه السموات والأرض ولا يئوده حفظهما وهو العلي العظيم .(البقرة 255)

(www.muda.com, 7 Februari 2013).

18. Contoh ukiran tebuk terus berbentuk perahu dalam khat thuluth, ukirannya halus bergaya dan berwibawa di atas kayu jati, ia memiliki khat agak unik kerana huruf-hurufnya diukir tebuk terus membentuk perahu. Karya ini bertuliskan ayat *Lāa haul wa lāa kuwwata illāa billāh* (Kilang kaligrafi, di kampung pinggiran, Jepara 4 April

